

15 AUG 2003

IT-Kerjasama/I

SABAH TEROKAI KERJASAMA IT DENGAN SARAWAK

KUCHING, 15 Ogos (Bernama) -- Sabah sedang meneroka kemungkinan menjalin kerjasama dengan Sarawak dalam bidang teknologi maklumat (IT) dan pembangunan sumber manusia dalam usaha merapatkan jurang digital, terutama di kawasan luar bandar.

Timbalan Ketua Menteri Sabah Datuk Tham Nyip Shen hari ini berkata kerjasama seperti itu, yang berkaitan dengan tenaga manusia dan infrastruktur, dapat membantu membawa kemudahan IT yang lebih baik dan lebih murah ke kedua-dua buah negeri itu.

"Sabah dan Sarawak berkongsi masalah yang serupa, adalah sukar untuk menempatkan gentian optik atau pancaran satelit memandangkan kos tinggi yang terbabit berikutan penempatan penduduk yang bertaburan dan kawasan yang luas," katanya kepada pemberita selepas mengunjungi rakan sejawatannya Tan Sri Dr George Chan di pejabatnya di Wisma Bapa Malaysia.

Tham, yang juga Menteri Pembangunan Sumber dan Kemajuan Teknologi Maklumat Sabah berkata jurang digital di Sabah semakin buruk memandangkan permintaan yang tinggi bagi kandungan internet dan teknologi lebih maju yang boleh diperolehi di kawasan bandar bermakna kawasan-kawasan luar bandar telah ketinggalan dalam bidang IT.

Pada masa ini, intranet kerajaan Sabah atau Sabahnet boleh diperolehi oleh mana-mana pengguna yang berminat dengan talian telefon disambungkan ke laman web berkenaan, katanya.

Sementara itu, Dr Chan mencadangkan agar kerajaan persekutuan memberikan subsidi atau membiayai kos pancaran satelit ke kawasan-kawasan luar bandar, umpamanya bagi projek IT di Bario dan Long Bedian yang sedang berjalan dalam usaha mewujudkan masyarakat celik IT.

Sebagai contoh, beliau berkata kerajaan negeri membelanjakan RM140,000 setiap tahun untuk pancaran satelit sahaja ke kedua-dua kawasan terpencil ini, tidak termasuk kemudahan lain seperti komputer, sekolah dan rumah.

Beliau mencadangkan agar kerajaan negeri, sebaliknya memberi perhatian kepada aspek operasi di bumi bagi program berkenaan, termasuk melatih masyarakat tempatan yang berminat dalam IT untuk menangani masalah pemancaran dan kerosakan komputer.

Perkara itu telah dibawa kepada perhatian Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semasa lawatannya ke Sarawak baru-baru ini, katanya.

Beliau berkata Sains, sebuah syarikat IT yang dimiliki kerajaan Sarawak ditubuhkan pada 1992 untuk mengawasi sistem on-line perkhidmatan awam negeri.

-- BERNAMA

CJ ROS